

10/04/1997

Lapan minggu untuk turunkan paras air Tasik Chini

KUANTAN, Rabu - Paras air di Tasik Chini dijangka dapat diturunkan dalam tempoh lapan minggu mulai esok melalui pemasangan lebih banyak paip air untuk menyedut keluar airnya ke Sungai Pahang.

Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) negeri yang membuat ramalan itu akan memasang 40 lagi paip esok untuk menjadikan bilangannya kepada 56.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Datuk Shahiruddin Ab Moin, berkata paras air itu boleh diturunkan kepada 1.4 meter jika tiada hujan dalam tempoh berkenaan.

Beliau berkata, paras air meningkat kepada 2.8 meter disebabkan pembinaan sebuah empangan di Sungai Chini pada 1994 bagi memudahkan pengusaha bot membawa pelancong.

"Kawasan berair di tasik itu hanya membabitkan 240 hektar berbanding keseluruhan kawasan yang digazetkan 12,600 hektar," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Kerajaan negeri membina empangan bernilai RM1 juta itu bagi menggantikan empangan sedia ada yang gagal berfungsi, termasuk sebuah jeti transit bernilai RM660,000.

Ini bertujuan menaikkan paras air di Sungai Chini melebihi satu meter sepanjang tahun.

Bagaimanapun, empangan baru itu juga gagal berfungsi kerana dibina terlalu tinggi mengakibatkan paras air meningkat sehingga 2.8 meter, sekali gus banyak pokok mati di kawasan kira-kira 60 hektar dan kualiti air merosot.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dikatakan tidak puas hati dengan keadaan itu ketika mengadakan lawatan ke tasik itu pada 17 Mac lalu.

Shahiruddin berkata, sebaik saja paras air turun kepada yang dikehendaki, jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan kerajaan negeri akan membuat keputusan mengenai langkah lain bagi memulihkan tasik itu.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh JPS, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Dara) dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Jawatankuasa itu juga akan mendapatkan pandangan pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Galakan Pelancongan Pahang dan Wetlands International Asia Pacific, bagi membantu usaha itu," katanya.

(END)